



HASiL

# KENYATAAN MEDIA

SIARAN SEGERA

HASiL/2023/08/21 - 61

## PENAMATAN PENGGUNAAN SETEM PELEKAT (SETEM HASIL) SEBAGAI KAEDAH PENYETEMAN DAN MESIN FRANKING POS MULAI 01 JANUARI 2024

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa penggunaan setem pelekat (Setem Hasil) dan mesin franking pos oleh pengguna luar seluruh Malaysia sebagai kaedah penyeteman ke atas dokumen/perjanjian akan ditamatkan mulai **01 Januari 2024**.

Pembayar duti adalah dibenarkan untuk menggunakan Setem Hasil bagi urusan penyeteman dokumen/perjanjian **sehingga 31 Disember 2023** sahaja dan dinasihatkan untuk menghabiskan Setem Hasil yang berada dalam simpanan masing-masing. Bagi sebarang Setem Hasil yang tidak digunakan, tiada tuntutan bayaran balik dibenarkan atau diganti dengan wang tunai.

Permohonan penyeteman dan pembayaran duti setem boleh dilakukan secara dalam talian melalui portal Sistem Taksiran Dan Pembayaran Duti Setem (STAMPS) di pautan <https://stamps.hasil.gov.my> tanpa perlu hadir ke kaunter duti setem.

Individu warganegara dan penduduk tetap yang mempunyai fail cukai pendapatan boleh membuat pendaftaran ID Pengguna STAMPS, permohonan taksiran dan bayaran duti setem secara dalam talian melalui portal STAMPS. Manakala pendaftaran fail cukai individu pula boleh dibuat melalui e-Daftar di pautan <https://edaftar.hasil.gov.my>.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat;
- c) E-mel kepada [stamps@hasil.gov.my](mailto:stamps@hasil.gov.my); dan
- d) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public>

# # #

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

Tarikh: 21 Ogos 2023